



UM-11/5/2005-1a2

**MAHLIGAI PEMIKIR...** Yayasan Kepimpinan Perdana yang menjadi mercu tanda kepimpinan barisan Perdana Menteri terdahulu dirasmikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya semalam.

Ia ditubuhkan bagi mewujudkan sebuah institusi pembelajaran dan penyelidikan mengenai sejarah kepimpinan Malaysia yang telah memberi sumbangan besar ke arah sebuah negara aman, stabil dan maju. Yayasan itu turut menyediakan saluran untuk para cendekiawan dan golongan pemikir dari seluruh dunia melakukan penyelidikan dan berkongsi pandangan bagi menyumbang kepada keamanan dan toleransi berterusan.

Sebagai simbolik perasmian dan lambang penghargaan kepada bekas Perdana Menteri iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tun Dr. Mahathir Mohamad, empat arca yang masing-masing memahat nama dan tempoh perkhidmatan mereka ditempa khas oleh pengarca, Raja Azhar Idris.

● **ABDULLAH** Ahmad Badawi menandatangani plak khas pada majlis perasmian Yayasan Kepimpinan Perdana sambil diperhentikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Najib Tun Razak dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah yayasan, Tan Sri Azman Hashim di Presint 7, Putrajaya, semalam. — Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI (Berita di muka 2)